8

# Dua pertubohan Melayu sokong langkah Pemerentah

Oleh AHMAD MOHD. DON

2 JAN 1971

SINGAPURA, Juma'at. — Ada-lah menjadi tanggongjawab ahli2 dan jurulateh2 seni silat untok mengenalkan seni itu kapada pelajar2 sekolah sa-bagai satu jenis kegiatan sukan.

Saperti lain2 jenis seni mempertahankan diri, seni silat juga perlu di-ajar kapada pelajar supaya mereka dapat berdikari atau mempunyai keperchayaan kapada diri sendiri.

Menyatakan demikian, Yang Di-Pertua Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu, Enche Mansor Fadzal, menambah: "Pelajar2 yang di-beri latehan jasmani saperti silat akan di-didek supaya selalu bersedia bagi menghadapi sebarang chabaran."

Yang Di-Pertua 4 PM memberi pandangan itu ketika di-minta mengulas tentang langkah Pemerentah hendak memperkenalkan kelab2 pugilistik dan gimnastik di-sekolah2 menengah di-Repablik ini.

## Berguna

Perdana Menteri, Enche Lee Kuan Yew, ketika merasmikan bangunan baru Persekutuan Pugilistik Kebangsaan di-Tanjong Katong hujong minggu lalu memberitahu pegawai2 persekutuan tersebut bahawa ada-lah berguna bagi mereka menganjorkan kelab2 pugilistik di - sekolah2 menengah — dalam aliran China dan Inggeris.

Enche Lee menyatakan bahawa beliau telah membinchangkan hal itu dengan Menteri Pelajaran, Enche Lim Kim San, dan pegawai2 kanan-nya, dan mereka akan mengalu2kan bantuan dari persekutuan itu dalam hal mengadakan jurulateh2.

Beliau menambah bahawa Pemerentah juga berchadang hendak memperkenalkan kelab2 jimmastik kebangsaan yang lain, termasok bersilat, jika jurulateh2 yang berpengalaman sanggup tampil dan memberikan bantuan.

Enche Mansor berkata: "Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu mempunyai beberapa orang jurulateh seni silat gayong. Mereka bukan sahaja sanggup berkhidmat jika di-kehendaki, tetapi merasa bahawa itu ada-lah tanggongjawab mereka."

## Penting

Apabila di-tanya sama ada seni silat di-hadkan kapada pelajar2 Melayu sahaja, Enche Mansor menyatakan bahawa sabagai satu jenis sukan, ia terbuka kapada semua bangsa pelajar yang menarik minat terhadap seni itu.

"Apa yang penting ia-lah pelajar2 bukan Melayu yang ingin mempelajari seni silat itu hendak-lah patoh kapada peratoran2 serta berdisiplin kerana dengan itu mereka akan mudah dapat menerima pelajaran itu," kata Enche Mansor.

Setiausaha Agong Persatuan Bawean Singapura, Enche Ahmad Dawan, pula menerangkan: "Seni silat, saperti karate, tae-kwon-do, Koon tao, dan sa-bagai-nya perlu di-sebarkan dengan seluas2-nya supaya seni2 itu tidak terpendam dan hilang begitu sahaja.

"Dengan seni2 itu, pelajar2 di-lateh supaya selalu sabar ketika menghadapi sa-suatu chabaran. Semangat bersabar adalah penting terutama bagi pelajar2 dalam usaha mereka menchari ilmu pengetahuan," tambah Enche Ahmad.

2 JAN 1971

## Penuntut2

Persatuan Bawean Singapurna mempunyai Seksi Seni Silat Gayong yang terdiri dari lebeh sa-ratus penuntut dan beberapa orang guru yang mahir.

Enche Ahmad menjelaskan: "Kami tidak akan teragk2 untok mengemukakan jurulateh2 kami bagi melateh pelajar2 kerana ini-lah chara yang paling mudah bagi memperkenalkan seni itu dengan luas-nya."

Sa-benar-nya, seni silat telah pun di-perkenalkan di-beberapa buah sekolah di-sini tetapi keanggotaan-nya terhad kerana ia di-anggap sa-bagai satu jenis seni, bukan sukan.

Seni mempertahankan diri itu juga banyak di-ajar di-kelab2 atau di-persatuan2 di-Singapura. Namun demikian, ia terhad kapada orang2 Melayu dan mereka yang mampu sahaja.

Sa-kira-nya langkah memperkenalkan seni silat dan koon tao di-sekolah2 di-laksanakan dengan segera, pelajar2 dari semua bangsa akan berpeluang mengenal dan mempelajari seni mempertahankan diri yang berasal dari dua kebudayaan.